

**MODUL PEMBANGUNAN KEMAHIRAN GENERIK BERLANDASKAN
ORIGAMI**

ROSLIDAWATI BINTI CHE MAT ZIN

Laporan projek akhir ini dikemukakan sebagaimemenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2015

DEDIKASI

Untuk ibuku dan ayahku tersayang,

Haji Che Mat Zin Bin Che Muda dan Hajjah Rohani Binti Ab Wahab

Untuk Ibu Mertua tersayang,

Hajjah Zanariah Binti Arif

Untuk suami dan anakku tercinta,

Redzuan Bin Mohamed Salleh dan Rizqullah Bin Redzuan

Untuk semua keluarga suamiku, saudaraku dan sahabat handai,
adik beradikku dan rakan-rakan sekelas.

Pergorbanan, sokongan, serta pertolongan dan dorongan yang diberikan selama tempoh mengikuti pengajian di UTHM ini semoga anda semua dirahmati olehNYA.



PENGHARGAAN

Segala puji hanya bagi Allah S.W.T. tuhan seru sekalian alam, pentadbir langit dan bumi, tiada tuhan selain Dia. Kejayaan seluruh manusia dan jin adalah agaa yang sempurna, sejauh mana kita dapat mentaati perintah Allah S.W.T dan menjauhi segala laranganNya serta mengikut sunnah nabi Muhammad S.A.W.

Syukur Alhamdulillah, syukur lagi dan lagi kerana Allah S.W.T memberi kekuatan dan ilham kepad hambanya bagi merealisasikan Projek Sarjana ini dengan penuh rendah diri dan yang terbaik sekali hanya Allah S.W.T.

Terima kasih kepada En. Tan King Hiyang selaku penyelia dan membimbing saya dengan penuh keikhlasan. Semoga Allah S.W.T jua yang memberi kerahmatan pada diri sekeluarga beliau.

Terima kasih kepada Pengarah dan guru-guru Kolej Vokasional Lebu Cator Ipoh, Perak terutamanya En. Bukhari Bin Taib yang telah memberikan kerjasama ketika kajian dijalankan. Terima kasih juga kepada Pihak Bahagian Perancangan Dasar Penyelidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia kerana membenarkan kajian ini dilaksanakan.

Terima kasih jua kepada rakan-rakan seperjuangan perdana dan semua pihak yang menyumbangkan idea, teguran, pendapat secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah S.W.T memberkati dan membalas jasa baik anda sekalian.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kebanyakan majikan kini memerlukan pekerja yang bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal, tetapi juga memerlukan kemahiran generik untuk melaksanakan tugas yang diberikan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing. Walau bagaimanapun, kebanyakan graduan tidak bersedia untuk memenuhi keperluan aspek pekerjaan berpusatkan kemahiran generik seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran keusahawanan, pemikiran kritis dan kemahiran kreatif. Kajian telah dilaksanakan untuk origami yang berkaitan dengan peningkatan kemahiran generik dan mendedahkan maklum balas positif. Kajian ini telah menyusun semua proses yang berkaitan ke dalam satu modul rujukan. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai kesesuaian modul disusun untuk penerbitan dan pengedaran. Para responden yang dipilih untuk kajian ini adalah seramai 40 guru dari Kolej Vokasional, Lebu Cator, Ipoh, Perak. Instrumen dipatuhi diedarkan selepas kursus demonstrasi dan perbincangan kumpulan untuk menilai tahap persepsi terhadap kesesuaian modul untuk pembangunan kemahiran generik. Maklum balas yang diperolehi melalui soal selidik ini dianalisis menggunakan SPSS versi 16 untuk min dan sisihan piawai dari maklum balas responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi guru-guru terhadap kesesuaian modul yang tinggi dari segi format, kandungan, bahan-bahan pembelajaran dan aktiviti latihan. Beberapa cadangan telah dibuat pada akhir penyelidikan untuk meningkatkan kualiti modul bagi membangunkan kemahiran generik pada masa akan datang.

ABSTRACT

Most employers now require workers who not only have technical skills, but also require generic skills to perform tasks assigned to improve productivity and competitiveness. However, most of the graduates are not prepared to meet the needs of job-centred aspects of generic skills such as leadership skills, communication skills, teamwork skills, problem solving skills, entrepreneurial skills, critical thinking and creative skills. Researches have been implemented to related origami with improvement of generic skills and revealed positive feedback. The research has compiled all the related process into a reference module. The aim of this study was to assess the appropriateness of the compiled modules for publication and distribution. The respondent selected for this research was over 40 teachers from Vocational College, Lebu Cator, Ipoh, Perak. A compiled instrument was distributed after demonstration course and group discussion to assess the element of suitability the module for developed generic skills. The feedback obtained through this questionnaire was analysed using SPSS version 16 for mean and standard deviation of the respondents' feedback. The findings showed that the perception of teachers toward the suitability of the modules were high in terms of format, content, learning materials, and training activities. Several suggestions were made at the end of the research to enhance the quality of the module for developing generic skills in the future.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Matlamat Kajian	8
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Persoalan Kajian	9
	1.7 Kepentingan Kajian	9
	1.8 Skop Kajian	11
	1.9 Batasan Kajian	11

1.10	Definisi Operational	12
	Kemahiran Generik	12
	Origami	12
	Modul Aplikasi	13
	Media Bahan pengajaran	13
	Pengajaran bermodul	14
	Pengajaran terancang	14
1.11	Kerangka Konsep	15
	1.11.1 Kerangka konsep pembangunan dan penilaian modul	16
1.12	Kemahiran generik penting untuk pelajar	16
1.13	Rumusan	18
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	19
2.1	Pengenalan	19
2.2	Konsep Kemahiran Generik Kajian	20
	2.2.1 Kategori Kemahiran Generik	23
	2.2.2 Kemahiran Generik dalam Pendidikan	27
2.3	Kepentingan Kemahiran Generik	31
2.4	Kajian Terdahulu Tentang Kemahiran Generik	34
2.5	Rumusan	38
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	39
3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	40
	3.2.1 Reka Bentuk Modul Menggunakan Model Addie	41
	3.2.2 Permasalahan Dalam Membina Produk	51
	3.2.3 Kos dan masa pembinaan modul (produk)	52
	3.2.4 Dokumentasi produk	53
	3.2.5 Penilaian produk	54

3.3	Populasi dan pensampelan kajian	54
3.3.1	Bilangan responden	55
3.4	Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen	55
3.5	Instrumen kajian	56
3.6	Kajian Rintis	58
3.8	Kerangka kerja operasi	59
3.7	Kaedah pengumpulan data	64
3.9	Pentafsiran skor min	65
3.11	Rumusan	66

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 67

4.1	Pengenalan	67
4.2	Analisis deskriptif	68
4.3	Analisis Demografi	68
4.3.1	Analisis jantina	69
4.3.2	Analisis keturunan	70
4.4	Analisis responden berdasarkan kekerapan kursus yang dihadiri.	71
4.5	Analisis item berdasarkan persoalan kajian	72
4.6	Analisis dapatan kajian	73
4.6.1	Analisis Data Persoalan Kajian Pertama	73
4.6.2	Analisis Data Persoalan Kajian Kedua	76
4.6.3	Analisis Data Persoalan Kajian Ketiga	77
4.6.4	Analisis Data Persoalan Kajian Keempat	79
4.6.5	Analisis Data Persoalan Kajian Kelima	80
4.7	Analisis Data Purata Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan	82
4.8	Rumusan	83

BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	84
5.1	Pengenalan	84
5.2	Perbincangan dapatan kajian	84
5.2.1	Perbincangan persepsi guru tentang kesesuaian Format modul aplikasi origami memperkembangkan kemahiran generik	85
5.2.2	Perbincangan persepsi guru untuk menilai kesesuaian isi kandungan modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional	86
5.2.3	Perbincangan persepsi guru untuk menilai kesesuaian bahan pembelajaran modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional	87
5.2.4	Perbincangan persepsi guru untuk menilai kesesuaian aktiviti modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional	89
5.2.5	Perbincangan persepsi guru untuk menilai kesesuaian latihan modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional	90
5.3	Rumusan	92
5.4	Kesimpulan	92
5.4.1	Kesimpulan Kesesuaian Penggunaan Modul	92
5.4.2	Kesimpulan samada modul ini boleh diterima dikalangan guru untuk memperkembangkan kemahiran generik pelajar melalui aktiviti origami yang dicadangkan.	93

5.4.3	Kesimpulan kesesuaian modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional	95
5.5	Cadangan	95
5.5.1	Kajian ke atas modul	96
5.5.2	Pelaksanaan modul di Kolej Vokasional	97
5.5.3	Kajian akan datang	98
5.6	Penutup	99

RUJUKAN **100**

LAMPIRAN **107**



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

3.1	Menunjukkan jumlah kos sepanjang kajian dijalankan.	52
3.2	Keputusan ujian koefisien alfa cronbach (alpha)	56
3.3	Skala Empat Mata	58
3.4	Skor Alpha Cronbach	59
3.5	Kaedah Analisis Data	63
3.6	Taburan Skor Min	65
4.1	Analisis taburan responden berdasarkan jantina	69
4.2	Analisis taburan responden berdasarkan keturunan	70
4.3	Taburan responden berdasarkan kekerapan kursus yang dihadiri.	72
4.4	Data Min dan Sisihan Piawai mengenai persepsi guru tentang kesesuaian format modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional.	75
4.5	Data Min dan Sisihan Piawai mengenai persepsi guru untuk menilai kesesuaian isi kandungan modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional.	77
4.6	Data Min dan Sisihan Piawai mengenai persepsi guru untuk menilai kesesuaian bahan pembelajaran modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional.	78
4.7	Data Min dan Sisihan Piawai mengenai persepsi guru untuk menilai kesesuaian aktiviti modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional.	80

- 4.8 Data Min dan Sisihan Piawai mengenai persepsi guru untuk menilai kesesuaian latihan modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional. 81
- 4.9 Analisis data purata min keseluruhan dan sisihan piawai keseluruhan mengikut faktor kesesuaian penerbitan modul 82



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep dan kesesuaian modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami yang diubah suai daripada Model ADDIE	15
3.1	Model ADDIE (Diadaptasi dari modul teknologi pendidikan)	42
3.2	Rekabentuk modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami	46
3.3	Proses pembinaan modul	48
3.4	Contoh paparan muka hadapan dan belakang pembangunan modul pengajaran	49
3.5	Dokumentasi produk pengenalan asas untuk membuat lipatan asas origami	53
3.6	Kerangka operasi kajian	61
4.1	Peratusan responden berdasarkan jantina	70
4.2	Peratusan responden berdasarkan keturunan	71
4.3	Peratusan responden berdasarkan kekerapan kursus yang dihadiri.	72

SENARAI SINGKATAN

FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
P&P	-	Pengajaran & Pembelajaran
ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
KVMT	-	Kolej Vokasional Melaka Tengah
KPTM	-	Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia
UTHM	-	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
PFKK	-	Penilaian Formatif Kelompok Kecil
FPTV	-	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
CAD	-	Centre for Academic Development and Training
SPSS	-	Statistical Package for the Social Science
BPPDP	-	Pengarah Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan



SENARAI LAMPIRAN

A	Perancangan Carta Gantt Projek Sarjana 1 dan Projek Sarjana 2 dan Carta Gantt Pembangunan Modul	107
B	Helaian Log Projek Sarjana 1 dan Projek Sarjana 2	111
C	Borang Soal Selidik	142
D	Borang Kesahan Soal Selidik	149
E	Data Kajian Rintis	154
F	Data Analisis Kajian Sebenar	156
G	Surat Rasmi	167
H	Senarai Guru Di Kolej Vokasional Lebu Cator dan Senarai Pelajar Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional	116
I	Modul Kemahiran Generik Berlandaskan Origami	171



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Era pembangunan yang pesat bagi mewujudkan sistem pendidikan yang berkualiti dalam melahirkan modal insan yang berdaya saing diperingkat globalisasi. Justeru itu, pembangunan modal insan secara menyeluruh adalah proses yang digerakkan oleh para pendidik dalam merealisasikan aspirasi Negara. Sejalan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dalam (Chong 2009), pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Sehubungan dengan pelan pembangunan pendidikan, pendidik dan pemimpin sekolah merupakan barisan yang hadapan dalam memberikan penekanan atau tumpuan utama bagi mempertingkatkan penguasaan dan pencapaian pelajar. Bagi proses meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran, kepelbagaian aplikasi teknologi pendidikan turut diintegrasikan agar memperoleh kesan yang positif. Menurut Aris, et al. (2000), teknologi pendidikan merupakan suatu proses yang sistematik ke arah pembangunan produk yang membantu menghasilkan suatu persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang efisien dan efektif. Justeru dalam penghasilan mutu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), ia melibatkan peringkat rekabentuk, pelaksanaan

dan pemilihan dimana ia merangkumi pelbagai alatan dan sumber. Menurut Aris et al. (2000), teknologi pendidikan sepatutnya dilihat sebagai satu proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeluruh. Di mana, kebelakangan ini ramai yang beranggapan bahawa teknologi pendidikan hanya tertumpu kepada media elektronik sahaja antaranya seperti slaid, transparensi, pita video dan perisian komputer. Penggunaan alat bahan bantu mengajar yang merupakan suatu aspek yang perlu dititikberatkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kerana dapat membantu guru tersebut untuk memberi penjelasan yang ringkas dan tepat agar pelajar menguasai dan memahami serta objektif pembelajaran tercapai. Kehadiran alat bahan bantu mengajar menjadikan fungsi guru sebagai pemudah cara serta meningkatkan keberkesanan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan hanya 25 peratus penglibatan guru di dalam kelas (Jasmi et al, 2011).

Secara amnya, alat bahan bantu mengajar terbahagi kepada kepada dua jenis iaitu media elektronik dan media bukan elektronik. Media elektronik terdiri daripada radio, televisyen, alat perakam kaset, projector, video, multimedia, slaid, filem, projektor lutsinar, pembelajaran berbantuan computer dan sebagainya. Manakala bagi media bukan elektronik terdiri daripada buku, modul, majalah, jurnal, carta, kad imbasan, papan gulung model dan lembaran kerja kertas origami. Maka pelbagai variasi penggunaan alat bahan bantu mengajar mampu diaplikasikan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang interaktiviti.

Untuk mencapai proses pembangunan modal insan yang berinovatif dan kemahiran tinggi dalam proses pendidikan, para pendidik perlu menekankan pendekatan berasaskan sumber dan berpusatkan murid. Malah guru-guru perlu memilih strategi P&P yang menjurus kepada keberkesanan yang tinggi untuk mencapai hasrat murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut hasil kajian daripada (Abu dan Razzaly, 2008), mereka mendapati masalah yang dihadapi oleh responden telah dikenalpasti iaitu kekurangan pengetahuan dan kemahiran untuk menerapkan kemahiran generik dalam P&P, kekangan masa (akibat perlu menghabiskan silibus kursus yang dikendalikan) serta kekurangan bahan atau dokumen rujukan yang boleh membantu mereka melaksanakan aktiviti, pihak sekolah kolej vokasional harus mempertingkatkan usaha bagi memilih pendidik yang boleh membimbing pelajar atau merangka program latihan yang lebih berkesan.

Justeru penggunaan strategi Pengajaran & Pembelajaran (P&P) berasaskan sumber seperti penggunaan origami sebagai alat pendidikan telah banyak dibuktikan keberkesannya. Hasil kajian yang telah dilakukan oleh (Alias, 1991) membuktikan bahawa kegunaan modul dapat membantu meningkatkan lagi pencapaian seseorang pelajar. Penggunaan modul membolehkan seseorang pelajar menguasai sesuatu topik mata pelajaran sebelum beralih kepada topik yang seterusnya. Menurut (Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin, 1991) telah menjelaskan bahawa kegunaan modul pembelajaran membolehkan seseorang pelajar itu menjadi lebih cemerlang dan produktif. Ini disebabkan di dalam modul terdapat pelbagai aktiviti yang boleh menjadi perangsang kepada minda pelajar dan dapat menarik minat seseorang pelajar untuk terus terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dengan ini pengkaji ingin membangunkan sebuah modul panduan aplikasi seni lipatan origami hasil daripada dapatan empat orang pengkaji lepas yang menjalankan aktiviti bengkel dengan menggunakan origami untuk memperkembangkan kemahiran generik seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi lisan, kemahiran keusahawanan dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

1.2 Latar belakang masalah

Falsafah Pendidikan Sains Negara adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pendidikan sains di Malaysia memupuk budaya Sains dan Teknologi dengan memberi tumpuan kepada perkembangan individu yang kompetitif, dinamik, tangkas dan berdaya tahan serta dapat menguasai ilmu sains dan ketrampilan teknologi. Bagi memastikan kaedah pengajaran dan pembelajaran berfungsi seperti yang dirancang, pelbagai Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) perlu digunakan. Kesesuaian ABBM sangat penting bagi memastikan matlamat pembelajaran yang optimum dapat disalurkan kepada pelajar.

Menurut Othman (2014), menyatakan bahawa persepsi pengawas sekolah di daerah Merlimau Melaka setelah mengikuti bengkel kepimpinan lagi berkesan berbanding dengan kumpulan yang mengikuti ceramah kepimpinan dengan

menggunakan pendekatan origami. Melalui gambaran awal beliau sekolah ini di dapati berada di tahap kepimpinan pengawas yang rendah. Ada sebahagian dari pelajar mempunyai keyakinan diri yang rendah. Justeru itu, selepas diadakan bengkel tersebut pengawas sekolah mempunyai persepsi yang positif dimana bengkel kepimpinan dapat meningkatkan keupayaan pelajar dalam memimpin pelajar lain.

Proses ABBM yang digunakan oleh pengkaji adalah dengan menggunakan panduan bengkel kepimpinan pengawas menggunakan pendekatan seni lipatan origami. Apabila pelajar sudah meninggalkan institusi pengajian masing-masing, pelajar seharusnya memiliki pengetahuan asas berkaitan komunikasi berkesan. Malahan dipercayai bahawa penggunaan kemahiran komunikasi berkesan akan mempengaruhi tahap keyakinan graduan untuk berdepan dengan dunia pekerjaan mereka. Satu kajian dijalankan oleh (Salleh, 2014), mengenai kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan pelajar dilaksanakan untuk menentukan tahap kemahiran generik komunikasi lisan yang diamalkan oleh pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah (KVMT). Hasil daripada kajian mendapati pembelajaran menggunakan seni lipatan origami menunjukkan kesan positif iaitu terdapat peningkatan pencapaian pelajar.

Menurut kajian Ahmad Shahir (2009), perkembangan matematik dalam seni origami membolehkan poligon seragam yang mempunyai sehingga 19 permukaan dibentuk hanya dengan melipat kertas. Origami juga digunakan untuk menyelesaikan permasalahan geometri yang tidak mampu diselesaikan menggunakan pembaris dan jangka lukis. Menurut Abdul Latif, (2014) menyatakan terdapat sebahagian pelajar mendapati markah tugas folio yang agak rendah berbanding markah yang lain. Beliau membuat kajian dengan menggunakan Model Polya sebagai penyelesaian masalah, pelajar dapat merancang strategi dan perancangan yang sesuai bagi memastikan setiap masalah yang diberikan dapat diselesaikan. Beliau menggunakan kaedah aktiviti origami sebiji nenas bagi menarik minat pelajar dalam penyelesaian masalah tugas folio. Beliau mengadakan bengkel origami untuk membantu meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah dan menilai kesesuaiannya aktiviti origami. Aktiviti origami bukan sahaja menyeronokkan, tetapi juga satu kaedah yang berharga untuk membangunkan kemahiran yang tertentu (Wise, 2005). Disini jelas menunjukkan aktiviti origami dapat membentuk kemahiran kerja berpasukan. Kemahiran kerja berpasukan pula adalah salah

satu kemahiran yang sangat diperlukan dalam industri khususnya para majikan. Kajian yang dilakukan oleh ternyata berkesan dengan penggunaan origami untuk pembangunan kemahiran kerja berpasukan yang berdasarkan Model Kirkpatrick dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah. Proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat Kolej vokasional adalah masa yang sesuai untuk diterapkan “Employability Skill” supaya kebolehpasaran pekerjaan bagi lepasan Kolej Vokasional berada pada tahap yang tinggi. (Tarricone & Luca 2002) menurut beliau berdasarkan suasana perniagaan masa kini, kerja berpasukan yang cekap dan berkesan merupakan pendekatan kemahiran yang sangat disyorkan dan implikasinya juga untuk kejayaan sesebuah perniagaan dan organisasi.

Origami merupakan satu teknik lipatan samaada dengan kain ataupun kertas. Pada masa kini, seni lipatan origami dihasilkan lebih berbentuk seperti bunga, dinasour, katak, serangga, ikan, baju dan sebagainya (Khairani, 2012). Origami juga merupakan satu aktiviti yang boleh dipelbagaikan bentuk dengan menggunakan kertas dan boleh merangsangkan pemikiran otak manusia seterusnya memperkembangkan kemahiran generik (Lowenfeld dan Britain, 1975). Menurut Lavenson (1995) menyatakan origami dapat mengembangkan kemahiran generik dari sudut kognitif, afektif dan psikomotor. Origami dapat membangunkan psikomotor dan keupayaan kognitif kanak-kanak berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan (Katrinn dan Shumakov, 2007).

Segulung ijazah bukan lagi ciri tarikan utama majikan dan pasaran kerjaya dalam memilih graduan; sebaliknya, gabungan kemahiran generik lebih diutamakan (Rusmin, 2010). Kebanyakan majikan masa kini memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal, tetapi juga memerlukan kemahiran generik agar mereka memiliki pelbagai kemahiran dalam melakukan tugas yang diberikan untuk meningkatkan produktiviti syarikat dan berdaya saing (Abdullah, 2007 dan E.A. Pineteh (2012), penguasaan kemahiran generik menjadi satu elemen penting yang diutamakan oleh majikan dalam sektor pekerjaan, dan merupakan kemahiran yang perlu ada dalam diri pelajar. Namun begitu, menurut J.A. Leroux & S. Lafleur (2006) dan N.S. Nik Ismail (2010), kebanyakan graduan tidak bersedia untuk memenuhi keperluan pekerjaan yang mementingkan kemahiran generik dari aspek kepimpinan, komunikasi, kerjasama dalam

kumpulan, kebolehan menyelesaikan masalah, kemahiran lisan bahasa Inggeris, dan berfikir secara kritis dan kreatif.

Namun demikian, penerapan kemahiran generik dalam proses P&P (Pengajaran dan Pembelajaran) menjadi salah satu punca kurangnya kemahiran generik yang dapat diaplikasikan. Pengkaji memilih Kolej Vokasional kerana disini terdapat latihan amali yang memerlukan pelajar menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar dengan menghasilkan seni origami memperkembangkan kemahiran generik dalam diri setiap pelajar. Justeru itu juga dengan tiada sebuah buku panduan pun lagi yang boleh diguna pakai oleh guru Kolej Vokasional tentang pelaksanaan origami untuk membangunkan kemahiran generik di kalangan pelajarnya. Oleh sebab itu pengkaji ingin membangunkan modul rujukan sebagai alat bantu bahan mengajar bagaimana menggunakan origami dalam pembangunan generik di Kolej Vokasional.

1.3 Penyataan masalah

Kemahiran generik di Kolej Vokasional pada masa kini hanya diterapkan dalam subjek kokurikulum sahaja dan tidak menggunakan kaedah origami serta tidak diterapkan semasa proses pengajaran. Oleh itu kemahiran generik di Kolej Vokasional berada pada tahap yang rendah dan kaedah pembelajaran yang sedia ada kurang membantu untuk meningkatkan kemahiran generik pelajar. Sepatutnya guru harus sedar bahawa kemahiran generik sangat penting dan kaedah pembelajaran yang sesuai kepada pelajar ialah dengan menggunakan pendekatan media pengajaran origami menggunakan modul. Pelbagai isu timbul, khususnya bagi pelajar tingkatan empat yang berhadapan dengan masalah menyesuaikan diri, kerana peralihan suasana dari sekolah harian biasa kepada sekolah teknik. Masalah ini berlanjutan apabila mereka tidak dapat mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari dalam kursus-kursus teras kejuruteraan.

Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Zuraiah (2008) terhadap penggunaan modul dalam mata pelajaran vokasional elektrik dan elektronik dan juga kajian oleh Nor Sharliana (2009) bagi penggunaan modul kursus amalan bengkel mesin. Hasil kedua-dua kajian mendapati bahawa, penggunaan modul tidak dilaksanakan sepenuhnya dalam

proses p&p di dalam kelas. Ini disebabkan oleh, para guru kurang menyediakan pengajaran yang berkesan dan tidak sistematik. Para guru di kolej vokasional kurang menggunakan proses p&p secara berpusatkan pelajar iaitu pelajar berdikari secara berkumpulan dalam menyelesaikan masalah dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Menurut Lynda (2004) lagi, di dalam proses menyelesaikan masalah ini pelajar perlulah bekerjasama di dalam kumpulan kecil dan saling bertukar-tukar pengetahuan dan saling membantu antara satu sama lain.

Maka di sinilah berlakunya proses pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar, dan guru pula hanyalah berperanan sebagai pembimbing iaitu fasilitator sahaja. Selain itu, pelajar juga cenderung kepada budaya menghafal, iaitu meminta pelajar mengingat kemahiran rutin untuk menyelesaikan sesuatu masalah, tanpa memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir. Biasanya kelas yang kecil yang boleh membantu guru memperbaiki pengajaran dengan cara berinteraksi dengan pelajar dan memberi perhatian secara individu (Wagener 1991). Menurut Hanson (1995), sebagai guru bahawa gaya belajar para pelajar adalah sama didapati tidak benar dengan kaedah pengajaran guru.

Ini bermakna sekiranya guru tersebut sedang mengajar pelajaran berbentuk kemahiran menggunakan tangan maka pelajar lebih berminat kepada aktiviti yang berbentuk praktikal. Oleh itu, kaedah pengajaran juga hendaklah lebih kepada gaya belajar kinestetik. Pelajar yang cenderung kepada gaya pembelajaran “kinestetik” belajar dengan baik melalui pengalaman dan mengambil bahagian secara fizikal dalam aktiviti bilik darjah. Mereka dapat mengingat sesuatu dengan baik apabila mencuba terus aktiviti melalui hands-on. (Murdoch Teacher Center, 1984). Berikutan daripada usaha pengkaji, masalah kajian yang dapat dikenalpasti ialah kesesuaian dengan membangunkan bahan pengajaran iaitu modul origami secara sistematik.

Pembinaan modul pembelajaran ini juga adalah bagi menyahut seruan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menambahkan lagi koleksi modul pembelajaran yang menitikberatkan nilai-nilai pendidikan yang masih berkurangan. Hal ini kerana banyak buku dan modul di pasaran tidak memenuhi kehendak kurikulum kebangsaan, tidak sesuai dengan budaya dan pemikiran tempatan, tidak menepati pedagogi suatu bidang dan tidak sesuai dengan cita rasa pendidik (Supyan Hussin, 1996).

1.4 Matlamat kajian

Kajian yang telah dibuat oleh penyelidik ini bertujuan untuk membangunkan sebuah modul panduan penggunaan dan menilai kesesuaian penerbitan modul pembangunan kemahiran generik di kolej vokasional yang telah dibina. Aspek maklumbalas yang ingin dilihat oleh penyelidik adalah mengenai pendapat responden tentang penerbitan modul aplikasi origami, kesesuaian modul aplikasi origami yang dibina mengikut aspek format, isi kandungan, bahan pembelajaran, aktiviti dan latihan serta cadangan penambahbaikan modul panduan aplikasi origami dalam pembangunan kemahiran generik di Kolej Vokasional. Modul aplikasi origami ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan di mana membantu guru-guru dalam memperkayakan dan mempelbagaikan pendekatan pengajaran bagi menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan interaktif. Pengguna sasaran adalah guru-guru di kolej vokasional.

1.5 Objektif kajian

Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik dalam mengadakan kajian ini. Objektif kajian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik ini adalah seperti berikut:-

- 1) Menerbitkan modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional.
- 2) Menilai kesesuaian penggunaan modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional.
- 3) Mengenalpasti cadangan penambahbaikan modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional.

1.6 Persoalan kajian

Kajian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik ini sebenarnya adalah untuk menjawab beberapa persoalan. Persoalan-persoalan tersebut adalah seperti berikut:-

- 1) Apakah persepsi guru tentang kesesuaian format modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional?
- 2) Apakah persepsi guru untuk menilai kesesuaian isi kandungan modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional?
- 3) Apakah persepsi guru untuk menilai kesesuaian bahan pembelajaran menggunakan modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional?
- 4) Apakah persepsi guru untuk menilai kesesuaian aktiviti dan latihan menggunakan modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional?
- 5) Apakah persepsi guru untuk menilai kesesuaian latihan menggunakan modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami di Kolej Vokasional?

1.7 Kepentingan kajian

Hasil daripada kajian ini nanti diharapkan iaitu penerbitan dan kesesuaian modul pembangunan kemahiran generik berlandaskan origami dapat digunakan kepada:-

1. Pelajar kolej vokasional

Kajian ini dapat memberikan banyak manfaat kepada para pelajar Kolej Vokasional sebagai panduan untuk mengulangkaji dengan menggunakan strategi pembelajaran dengan mengaplikasikan origami dalam pembelajarannya di sekolah atau di rumah. Selain itu, pelajar Kolej Vokasional juga boleh mengetahui dengan lebih mendalam dan teliti tentang penggunaan modul aplikasi origami ini dengan mewujudkan kerjasama antara ahli keluarga sendiri. Disamping itu dapat meningkatkan daya imaginasi yang tinggi dalam diri pelajar.

RUJUKAN

- Abu, M. S. , Kamsah, M. Z. & Razzaly, W. (2008). Laporan Kajian Soal Selidik Penerapan Kemahiran Insaniah (KI) Di Kalangan Pelajar Dalam Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran Di Institut Pengajian Tinggi Awam. *Jawatankuasa Penerapan KI Kepada Pelajar IPTA Peringkat Kebangsaan* 12 Februari 2008.
- Ahmad, M.S 2005. “Kepentingan Kemahiran Generik”. Persidangan Sempena Hari Guru”. Bangi, Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia. pp. 215-219.
- Anung Haryono (2002). “Persepsi Pensyarah Politeknik Terhadap Abbm Yang Disediakan Oleh UTHM”, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia : Kajian Kes Pendidikan Sarjana.
- Anung Haryono (2002) “Self Learning Material (Module). The Concept and Format”. School of Distance Education. Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.
- Abdul Latif, A. M. (2014). “*Kajian Pembangunan Kemahiran Penyelesaian Masalah Berlandaskan Projek Origami*”. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Tesis Sarjana.
- Abdullah, N. H. (2007). “*Pengurusan Kemahiran Insaniah dalam Membangunkan Modal Insan Melalui Aktiviti Ko-Kurikulum di UTHM*”. Tesis Sarjana. Batu Pahat, Johor: UTHM [Universiti Tun Hussein Onn Malaysia].

Aris. et al. (2000) “*Siri Modul Pembelajaran Teknologi Pendidikan*”, Johor Bharu. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

Azalya binti Ayob (2003). *Kepentingan Kemahiran Generik Dikalangan Pekerja Di Industri Elektronik Di Bayan Lepas, Pulau Pinang*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana.

Aizam Bin Awang (2007), *Tahap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Kelantan Dan Negeri Terengganu*. Projek Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Bidin, Y. H. (2006). *Kerja Berpasukan*. Kuala Lumpur: PTS Sdn Bhd.

Buletin P&P Versi Elektronik Edisi 1 (jun 2004). *Pembinaan Atribut Graduan dan Penerapan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar UTM*. Tidak Diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.

Buletin P&P. Edisi jun 2004. Universiti Teknologi Malaysia.

Curtis, D. D. (2004). “International Perspectives on Generic Skills” dalam J. Gibbs [ed]. *Generic Skills in Vocational Education and Training: Research Readings*. Adelaide, Australia: NCVET Ltd., ms.19-37.

Chong, (2009). “*Kajian Berteraskan Mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)*”. OUM

David Warwick. (2002). “*Teaching and Learning Through Modules*”. Oxford England Basil Blackwell Ltd.

Lee Ming Foong & Tan King Hiyang, (2010). *Modul Teknologi Pendidikan*. Edisi pertama. ms 19-20.

Devore, J & Peck, R. (2005). (Eds.), *Statistics-The Exploration And Analysis Of Data*. 2nd Ed. Wadsworth, Belmont, pp.731-802

Esa, A. (2011). UTHM Lecture Series 5/2011: *Kokurikulum Membangun Kemahiran Isaniah: Koleksi Penyelidikan*. UTHM: Penerbit UTHM.

Esa, Mohd Yunus, & Kaprawi (2005). “*Perlaksanaan Kemahiran Generik Menerusi Kokurikulum Di Politeknik Bagi Memenuhi Keperluan Industri Di Malaysia.*” KUiTTHO: Laporan Akhir Tesis. Tidak diterbitkan.

Fisher, J. D., Bell, P. A., & Baum, A. (1984). *Environmental psychology (2nd edition)*. New York: Holt, Rinehart and Winston.

Garis Panduan Penulisan Buku. Penerbit UTHM. Dicapai pada 5 Jun, 2013, dari laman web <http://penerbit.uthm.edu.my/y3/index.php/>

Gerson, R. F. 2004. *Mengukur Kepuasan Pelanggan*. Johor Bharu: Pelangi Sdn. Bhd.

Hinchliffe, G.W. & A. Jolly. (2011). “*Graduate Identity and Employability*” dalam *British Educational Research Journal*, 37(4), ms.563-584 [versi elektronik]. Tersedia [online] juga dalam <http://dx.doi.org/10.1080/01411926>

Hamzah R. K. (2001). *Teknik Dan Startegi Membimbing Remaja*. Bentong : PTS Publications & Distributors SDN. Bhd

Jasmi et al, (2011). “Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia”. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 59-74. ms 64.

Jusoh M. A. (2014). “*Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Origami Berkumpulan Dalam Pembentukan Kemahiran Kerja Berpasukan*”. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Tesis Sarjana

Katrin dan Shumakov, (2007). Oriland –Fancy Origianizers. Oriland:English Press
Kementerian Pendidikan Malaysia (1998). “*Pendidikan Vokasional Dalam Konteks Wawasan 2020.*”Kuala Lumpur : Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Kamus Dewan Edisi ke Enam (6) (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

KPT [Kementerian Pengajian Tinggi] Malaysia. (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Instutusi Pengajian Tinggi Malaysia.* Selangor: Penerbit UPM [Universiti Putra Malaysia].

Kementerian Pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling ICT Bil. 1/2012 : Pelan Pembangunan Pendidikan “Dasar Keselamatan ICT (dkict) versi 2.0 Kementerian Pelajaran Malaysia . Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Khairani, L. I. (2012), Analisis Origami dalam Interaksi Sosial Masyarakat. *Jurnal Seni Rupa & Desain.* Vol 2. No.1

Khairul Bariyah Hj Othman (2003). Kriteria Penilaian bagi Perisian Pendidikan Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer: Satu tinjauan di sekolah Menengah Teknik di Negeri Kedah. Johor: Kolej Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Tesis Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Lavenson H .(2006). The Benefit of Origami. Dipetik daripada <http://home.earthlink.net/~robercubie/origami/edu.html> pada 6 november 2013.

Lavenson H. (1995). Time Limited Dynamic Psychotherapy : A Guide to Clinical Practice. New York : Basic Book., pp 48-55. CHAPTER IV.

Leroux, J.A. & S. Lafleur. (2006). "Employability Skills: The Demands of the Workplace" dalam *The Vocational Aspect of Education*, 47(2), ms.189-196 [versi elektronik]. Tersedia [online] juga dalam <http://dx.doi.org/10.1080/0305787950470207> [dilayari di Batu Pahat,

Linda C, Bruce C dan Dee D, Edisi Khas No. 2, Ogos 2011 225
ISSN 1412-565X 2002: 3).

Lowenfield, V. & Brittain. L. (1975). *Creativity and Mental Growth*. London. Collier Mac Millan Publisher.

Lukman, I., Utusan Malaysia, Jumaat, 27 Mei 2005, ms 7

McQuick, R.W. & C. Lindsay. (2005). "The Concept of Employability" dalam *Journal of Urban Study*, 42:2, ms.197-219 [versi elektronik]. Tersedia [online] juga dalam <http://strathclyde.academia.edu/ColinLindsay/papers/207712> [dilayari di Batu Pahat, Johor, Malaysia: 12hb Januari 2013].

Meyer (1988) Meyer, G. R. (1988). "*Module From Design To Implementation*", 2nd Edition Manila : The Colombo Plan Staff College For Technician Education.

Mirugadas a/l Ramdas @ Chelamuthu (2001). "Penghasilan dan Penilaian Modul Pembelajaran Kendiri (MPPK) Bagi Meningkatkan Penggunaan Statistik Dalam Kalangan Pensyarah Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia": Tesis Sarjana Pendidikan (Teknikal).

Mohd Nazri, (2007). "Kepentingan Penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran". Forum 2, Kumpulan Kertas Kerja Konvensyen Teknologi Pendidikan Ketiga 5 – 7 Julai 2007, Plaza Inn, Melaka.

Moshe Silberstein (2000). "The expert Case Study Model : An Alternative Approach to the Development of teacher education Module". *Journal of Education Teaching*. Vol17. 165-180.

Mok Soon Sang (2003). "*Pendidikan Di Malaysia.*" Edisi Ketujuh. Subang Jaya. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mok, S.S. (2003). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (komponen 3: Profesionalisme Keguruan) Sekolah Rendah*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd

Mohamad M.M, (2008). "*Strategi Penagjaran Pembelajaran Koperatif dalam Tajuk Rekabentuk dan Penghasilan Projek (Mata Pelajaran Kemahiran Hidup).*" Seminar Kebangsaan Jawatankuasa Penyelaras Pendidikan Guru (JPPG), Bayview, Langkawi Malaysia.

Mohd Safarin Nordin, (2004). "*Kemahiran Generik – Kepentingan dalam memenuhi keperluan majikan masa kini.*" Universiti Teknologi Malaysia

Nik Ismail, N.S. (2010). *Soft Skills: The What, the Why, and the How*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].

Othman, N. S. (2014). "*Kajian Kesan Pendekatan Seni Origami Terhadap Kemahiran Kepimpinan Diri Pengawas Sekolah*". Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Tesis Sarjana.

Pelan Induk Pendidikan 2006-2010 (2006), Online : <http://www.moe.gov.my/>
[20/4/2007] Universiti Teknologi Malaysia (14 Feb 2007), Kertas Cadangan Senat

- Pineteh, E.A. (2012). "Using Virtual Interactions to Enhance the Teaching of Communication Skills to Information Technology Students" dalam *British Journal of Educational Technology*, 43(1), ms.85-96 [versi elektronik]. Tersedia [online] juga dalam <http://10.1111/j.1467-8535.2011.01193> [dilayari di Batu Pahat, Johor, Malaysia: 12hb Januari 2013].
- Quek, (2005). "Learning For The Workplace: A Case Study In Graduate Employees" Generic Competencies." *Journal of Workplace Learning*. 17.231-242.
- Rusmin, R. (2010). "Graduan 'Ulat Buku' Tak ke Mana: Tiga Kelemahan Nyata Siswa ialah Kurang Kemahiran Berkomunikasi, Tidak Pandai Bawa Diri, dan Pemikiran Kurang Kritikal" dalam akhbar *Harian Metro*. Kuala Lumpur, Malaysia: 6hb Disember, ms.v4 dan v7.
- Salleh, M. N. (2014). "Kajian *Penguasaan Kemahiran Lisan Berlandaskan Origami*." Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Tesis Sarjana
- Seo, and K.H.2003. Smart Partnership between Vocational Technical Training Institutions With the Industry in Creating Skill Worker. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional. Tidak Di Terbitkan Dalam Ahmad (2006).
- Shaharom N. (1995), "Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Dalam Mata Pelajaran Fizik Menerusi Kaedah Pengajaran Bermodul", *Jurnal Guru 1995*, Keluaran 6. IBSN 0127-2662.
- Shaharom N. & Dr. Yap Kueh Chin (1991). "Mereka bentuk dan menilai Modul Pembelajaran Kendiri (MPK)". *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 8 hlmn 17-44.

Shalev dan Haget (2010), *Origami In Education And Therapy*

http://www.theragami.com/origami_ed.html akses tanggal 10 Oktober

2014 4.00 p.m

Supyan Hussin (1996). "Are Instructional Design Elements Being Used In Module Writing." *British Journal of Educational Technology*. Vol 30. 341-358

Sulaiman M.Y & Mohd Salleh L. (2002). *Komunikasi dalam Pengajaran dan Kepimpinan Pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Tarricone, P. & Luca, J (2002). Employees, Teamwork and Social Interdependence-A Formula For Successful Business?. *Journal Of Team Performance Management*, 8 (3/4), 54-59.

Wahab. A. H. F. Yusof M. T. Hussain H. Zaman M. H. (2008). "*Penggunaan Penilaian Formatif sebagai Proses melengkapkan Gelung: Satu Usaha Penambahbaikan.*" Seminar Pengajaran dan Pembelajaran. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wan Nordin, W. M. Z. (16.2.2000). "*Penekanan Kepada Perkembangan Potensi Individu Secara Menyeluruh Dan Bersepadu.*" *Berita Harian*: m.s 7.

Yusup Hashim (2002) "*Media Pengajaran Untuk Pendidikan Dan Latihan*". Selangor Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.